

## Pelajar UMP menyerlah di Taiwan

**Taiwan:** Pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus menempa nama di peringkat antarabangsa apabila meraih empat pingat emas, dua pingat perak dan tiga anugerah khas dalam Pameran Reka Cipta Antarabangsa Kaohsiung di sini, baru-baru ini.

Pingat emas diraih pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Nuri' Adilah

Nashrulmillah, 24, menerusi projek penyelidikan yang menggabungkan tiga teknologi iaitu ultrasound, membranc dan anaerobic bagi merawat bahan buangan kelapa sawit.

Seorang lagi pelajar FKKSA, Nishyanthi Puspakaran, memenangi pingat emas menerusi penghasilan serbuk yang kaya dengan polifenol berasaskan pokok



Barisan pelajar UMP yang memenangi anugerah penyelidikan dalam Pameran Reka Cipta Antarabangsa Kaohsiung di Taiwan.

misai kucing atau nama saintifiknya, *Orthosiphon stamineus*.

Satu lagi pingat emas diterima menerusi kajian penggunaan biokompoun dalam menghindari manusia daripada jangkitan bakteria dan virus berba-

haya dan mengatasi pertumbuhan sel tumor yang dijalankan pelajar Fakulti Industri Sains & Teknologi (FIST), Saravanan Jayakumar.

**Anugerah khas**  
Lebih membanggakan apa-

bila ketiga-tiga pelajar itu menerima anugerah khas iaitu Nuri' Adilah yang menerima Croatia Inventors Association Award, Nishyanthi (Leading Innovation Award), manakala Saravanan Jayakumar terpilih sebagai penerima

Korea University Invention Award.

Alicia Ng Yit Hui pula menerima pingat emas menerusi projek penghasilan medium yang bebas formaldehide untuk papan yang mampat dengan menggunakan kaang soya dan lignin.

Sementara itu, Rahimah Embong daripada Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam menerima pingat perak menerusi penghasilan bata geopolimer menggunakan bahan buangan industri bagi menggantikan simen sementara pelajar FIST, Yap Sook Sin turut meraih kejayaan sama menerusi inovasi produk berasaskan halia dan daun selasih bagi menghindarkan lipas.